

Perkeso sedia tambah pusat pemulihan rawatan

KUALA LUMPUR: Kerajaan sedia membuka lebih banyak pusat pemulihan program rawatan bagi penjarum Pertubuhan Keselamatan Sosial (Perkeso) yang hilang upaya bekerja disebabkan sakit tulang belakang dan tengkuk yang teruk.

Menteri Sumber Manusia, Datuk Dr Fong Chan Onn, berkata langkah itu boleh dipertimbangkan jika wujud permintaan tinggi di kalangan

penjarum yang dibebani masalah kesihatan itu ketika bekerja.

Katanya, dua pusat sedia ada iaitu masing-masing satu di ibu negara dan Perak dikendalikan menerusi program 'Return to Work' oleh Bahagian Perubatan dan Pemulihan Perkeso bersama DBC Back To Health (M) Sdn Bhd (DBC) yang berpangkalan di Finland.

"Program yang dikendalikan oleh

tenaga profesional ini bertujuan memulihkan pekerja supaya mereka dapat kembali berkhidmat dalam tempoh singkat dan rawatan itu dibiayai sepenuhnya oleh Perkeso.

"Kementerian saya menyokong penuh usaha begini kerana program pemulihan penting bagi membolehkan pekerja mendapat peluang kedua untuk kembali bekerja," katanya pada sidang media selepas me-

lancarkan program 'Return To Work' di sini, semalam.

DBC mempunyai kepakaran dari segi penjagaan 'musculoskeletal' dan memiliki peralatan lengkap berkomputer untuk membantu Perkeso menjalankan program pemulihan menyeluru yang dikenali sebagai 'program pemulihan bio-psikososial'.

Menerusi program itu, peserta program bukan saja menjalani

program pemulihan tetapi juga diberi motivasi dan kaunseling bagi mengembalikan keyakinan mereka untuk kembali bekerja.

Fong berkata, masalah sakit tulang belakang dan tengkuk biasa dialami pekerja yang menghabiskan sebahagian besar masa di hadapan komputer atau duduk untuk tempoh lama seperti mereka yang bekerja di kilang.